

**Rakyat Perlu Sedar Helah Dan Agenda Kempen "Bebas Anwar 901", Kata Mohamad Bernama  
3 Januari , 2012**

SEREMBAN, 3 Jan (Bernama) -- Masyarakat perlu berfikir secara rasional dan menyedari helah dan agenda tersembunyi pihak tertentu melalui demonstrasi haram "Kempen Bebas Anwar 901" yang dirancang di ibu negara 9 Jan ini, kata Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hasan.

Beliau berkata orang ramai juga perlu tahu kempen yang kononnya menuntut keadilan bagi Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim itu hanya bersifat kepentingan peribadi semata-mata, selain menyalahi undang-undang negara.

"Kita minta kerajaan menguatkuasakan undang-undang...kita mesti hormati undang-undang kerana apa guna kita ada undang-undang tapi kita langgar undang-undang," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan kongres tahunan ke-81 Persatuan Bola Sepak Negeri Sembilan di sini Selasa.

Mohamad berkata rakyat termasuk mereka yang menganjurkan kempen tersebut seharusnya menghormati apa juga keputusan mahkamah dan menggunakan saluran yang betul bagi mengemukakan rayuan jika tidak berpuas hati terhadap keputusan yang dibuat nanti.

Katanya, sebarang tindakan membantah keputusan yang dibuat oleh mahkamah menerusi demonstrasi hanya akan menjadikan negara ini sebagai sebuah negara anarki di mana sistem perundangan tidak dihormati dan rakyat bebas melakukan sesuatu.

"Adalah amat malang jika negara yang kita bina sejak merdeka ini kembali kepada zaman anarki. Janganlah hancurkan sesuatu yang kita bina sekian lama, bagilah peluang kepada mereka yang dahagakan keamanan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637761>